

# HIJRAH: BEBASKAN DIRI DARI CENKAMAN HAWA NAFSU

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ اللَّهِ ۚ وَاللَّهُ

غُفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢١٨﴾ (Surah Al-Baqarah, ayat: 218)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ  
اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Sama-samalah kita meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong orang yang bertaqwa dan beroleh kemuliaan di dunia dan di akhirat.

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَلَلدَّارُ الْآخِرَةُ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَ ۗ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٣٢﴾

Maksudnya: "Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan; dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertakwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir?" (S. Al-An'aam: 32).

## SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Tahun Hijrah 1436 sudahpun berlalu pergi meninggalkan kita. Dan kini kita berada di awal tahun baru 1437 Hijrah yang sekali gus menandakan usia kita semakin senja. Ia juga menyedarkan kita akan kenyataan bahawa catatan perjalanan hidup kita bagi tahun 1436 telah berlalu tanpa kita ketahui secara pasti sama ada ia dipenuhi dengan amal yang baik atau sebaliknya.

Dalam pada itu, tahun baru hijrah yang sedang kita tempuhi ini membawa kita memperingati peristiwa penghijrahan Rasulullah SAW dan para sahabat dari Makkah ke Madinah. Ia adalah satu peristiwa besar dalam sejarah Islam kerana ia bukan sekadar perpindahan dari satu tempat ke satu tempat yang baharu, akan tetapi lebih merupakan titik permulaan pembaharuan system nilai dan hidup manusia daripada keadaan daif kepada keadaan lebih baik.

Peristiwa hijrah Rasulullah SAW telah memberikan impak serta perubahan yang positif terhadap kehidupan umat Islam sama ada dari segi ibadat, muamalat, tarbiah, sahsiah, perpaduan dan sebagainya. Ia adalah hasil daripada penghayatan dan penterjemahan sepenuhnya semangat hijrah yang menyaran serta menyeru umat Islam agar meninggalkan segala larangan Allah SWT menuju reda-Nya melalui pematuhan terhadap segala perkara yang disuruh dan diperintahkan oleh-Nya. Hal ini bertepatan dengan hadis yang bersumber daripada Abdullah bin Habsyi bahawa Rasulullah bersabda bermaksud: *"Orang yang berhijrah ialah orang yang meninggalkan apa-apa yang dilarang oleh Allah."* (HR Abu Dawud).

Dalam hadis lain yang bersumber daripada Abdullah bin Amr, Rasulullah SAW bersabda: *"Seorang Muslim adalah orang yang tidak merugikan Muslim lainnya dengan lidah, mahupun dengan kedua tangannya. Dan seorang Muhajir (orang yang berhijrah) adalah orang yang meninggalkan semua larangan Allah SWT."* (HR Bukhari).

Jelas di sini, berhijrah meninggalkan larangan Allah SWT dan melaksanakan perintah-Nya menjadikan hati, perkataan dan perbuatan bersih daripada segala maksiat, dosa serta syirik. Dengannya, akan terwujud keadaan hidup lebih baik, lebih maju, lebih mulia dan lebih bermakna serta berada dalam lingkungan rahmat dan keredaan Allah SWT. Pendek kata, semangat hijrah untuk meninggalkan segala larangan Allah SWT mampu menjana umat yang perkasa dan Negara yang aman makmur.

### **HADIRIN MUSLIMIN YANG MULIA,**

Dunia adalah ladang beramal untuk dituai hasilnya di akhirat. Sesiapa memanfaatkan waktu lapang dan sihat dalam rangka agenda ketaatan, maka dialah yang akan berbahagia. Sebaliknya sesiapa mempergunakan kedua-dua nikmat itu dalam kancah kemaksiatan, dialah yang benar-benar telah tertipu.


Oleh itu saudara-saudara sekalian, di awal tahun baru Hijrah ini, marilah kita berjihad membebaskan diri daripada cengkaman hawa nafsu yang mendorong melakukan kejahatan dan kemaksiatan. Keazaman serupa ini penting bagi memastikan diri cenderung melakukan amal ibadat mengabdikan diri kepada Allah SWT sekali gus terhindar daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang dan dibenci Allah SWT.

Meskipun manusia dikurniakan nafsu yang baik, iaitu Mutmainnah yang mendorong ke arah kebaikan, namun nafsu jahat akan sentiasa menguasai orang yang lemah imannya serta tidak tahu dan mahu memanfaatkan akal kurniaan Ilahi. Tambahan pula, nafsu mendorong melakukan kejahatan sebagaimana terakam di dalam al-Quran:

﴿ وَمَا أُبْرِيُ نَفْسِي ۚ إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ ۗ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي ۚ إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴾

Yang bermaksud: *"Dan tiadalah aku berani membersihkan diriku; sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah dia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani."* (S. Yusuf: 53).

Dengan hal yang demikian, seseorang yang dicengkam keinginan nafsunya akan menurut sahaja runtunan hawa nafsunya tanpa memikirkan buruk baiknya. Hakikat ini terpapar pada kisah Qabil yang membunuh saudaranya, Habil disebabkan dorongan hawa nafsunya yang amarah dan tidak berpuas hati. Al-Quran merakamkan kisah yang menyayatkan ini sebagaimana berikut:

 فَطَوَّعَتْ لَهُ نَفْسُهُ قَتْلَ أَخِيهِ فَقَتَلَهُ فَأَصْبَحَ مِنَ الْخٰسِرِينَ

Yang bermaksud: "Maka nafsu jahat (Qabil) mendorongnya (sehingga dia tergamak) membunuh saudaranya, lalu dia membunuhnya, oleh itu menjadilah dia dari golongan orang yang rugi." (S. Al-Maidah: 30).

### **JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,**

Walaupun umat Islam hari ini secara umumnya sudah celik agama, namun masih banyak perkara mungkar dan maksiat berlaku di sekeliling kita. Selain sindrom meremehkan kewajipan bersolat lima waktu dan tuntutan menutup aurat, maksiat lain juga terus menular seperti pergaulan bebas lelaki dan wanita, makan atau mengambil sesuatu yang haram, hasad dengki, umpat mengumpat, fitnah menfitnah dan lain-lain lagi. Kenyataan ini membuktikan bahawa kebanyakan manusia dicengkam dan dikuasai hawa nafsu yang mengarah kepada kejahatan.

Orang yang menuruti atau bertuhankan hawa nafsunya akan melakukan apa sahaja yang dikehendakinya tanpa segan-silu selain tidak mepedulikan sebarang teguran dan nasihat yang berguna. Bagaimanapun, keadaan itu bukanlah alasan untuk membiarkan perkara mungkar dan maksiat terus berlaku dalam masyarakat kerana ia boleh menjadi sebab turunnya bala Tuhan yang membawa kerosakan kepada umat dan Negara.



Bencana gempa bumi, jerebu, banjir dan cuaca panas yang pernah melanda negeri kita seharusnya menjadi pengajaran kepada kita supaya segera mengawal dan mengendalikan hawa nafsu supaya tidak melakukan perkara-perkara yang mengundang murka serta azab Allah SWT. Kita semua mesti tahu dan mahu mengawal dan mengendalikan nafsu kea arah keredaan Ilahi agar selamat sejahtera di dunia dan bahagia di akhirat.

Sabda Rasulullah SAW, maksudnya: "Sesiapa yang mampu menundukkan nafsunya, maka syurgalah tempatnya. Sebaliknya, sesiapa yang menuruti hawa nafsunya, maka nerakalah tempat kembalinya." (HR Bukhari dan Muslim).

Oleh hal yang demikian, kita mesti bijak melawan keinginan hawa nafsu. Tundukkan nafsu mengikut kehendak Allah SWT dalam segenap aspek kehidupan. Apabila nafsu dapat dilawan dan ditundukkan, maka akan timbul keinsafan serta kesedaran untuk mengutamakan segala suruhan Allah SWT dan mengetepikan keinginan serta kepentingan diri sendiri.

### **SAUDARA MUSLIMIN YANG MULIA,**

Orang yang tunduk kepada desakan hawa nafsunya atau bertuhankan hawa nafsu adalah umpama binatang ternak. Ini kerana, orang yang bersifat sedemikian lazimnya tidak cenderung untuk mendengar dengan sepenuh perhatian terhadap seruan Islam meskipun banyak bukti dihamparkan kepadanya. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

أَرَأَيْتَ مَنْ آتَّخَذَ إِلَهَهُ هَوْنَهُ أَفَأَنْتَ تَكُونُ عَلَيْهِ وَكِيلًا  أَمْ تَحْسَبُ أَنَّ أَكْثَرَهُمْ  
يَسْمَعُونَ أَوْ يَعْقِلُونَ ۗ إِنْ هُمْ إِلَّا كَالْأَنْعَامِ ۗ بَلْ هُمْ أَضَلُّ سَبِيلًا 

Yang bermaksud: “Nampakkah (wahai Muhammad) keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya Tuhan yang dipuja lagi ditaati? Maka dapatkah engkau menjadi pengawas yang menjaganya jangan sesat? Atau adakah engkau menyangka bahawa kebanyakan mereka mendengar atau memahami (apa yang engkau sampaikan kepada mereka)? Mereka hanyalah seperti binatang ternak, (bahkan) mereka lebih sesat lagi.” (S. Al-Furqaan: 43-44).

Sehubungan itu, imam al-Ghazali menjelaskan bahawa hawa nafsu dapat dikawal melalui tazkiyah al-nafs yakni pembersihan jiwa melalui latihan menghampirkan diri kepada Allah SWT. Apabila seseorang itu berjaya menghapuskan keburukan dalam dirinya, maka itu bermakna pembersihan jiwanya sempurna. Ia ditandai dengan kecintaan melakukan perkara-perkara yang disukai dan dianjurkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya.

#### JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Kata Saidina Ali, “Akal adalah musuh syahwat. Ilmu menjaga akal dan keinginan itu memperkuat syahwat. Segala keinginan berkenaan saling berebut untuk jadi pemenang. Manusia yang paling utama di sisi Allah adalah yang menghidupkan akalnya, kemudian membunuh syahwatnya (yang mengajak kepada kejahatan) dan menyusahkannya demi kebahagiaan akhirat.”

Justeru, subur dan cerdas kanlah akal fikiran dengan iman dan ilmu agar mampu menolak desakan nafsu jahat. Tingkatkan keimanan kepada Allah SWT dan amal soleh di samping bertaubat. Sesungguhnya sebaik-baik orang yang melakukan dosa ialah orang yang segera bertaubat.

يَأْتِيهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٧٧﴾ أَرْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكَ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٧٨﴾ فَأَدْخُلِي فِي عِبَادِي ﴿٧٩﴾  
وَأَدْخُلِي جَنَّتِي ﴿٨٠﴾

Maksudnya: “Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya! Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan), lagi dire dai (di sisi Tuhanmu)! Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hamba-Ku yang berbahagia Dan masuklah ke dalam syurga-Ku!” (S. Al-Fajr: 27-30).

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعِي وَإِبَاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah